

<input checked="" type="checkbox"/>	Sinar Harian
<input type="checkbox"/>	Sinar Ahad
Tarikh:	28/6/2011
Hari:	JELASA M/S: 412
Ruangan:	MUBANG PASU

Penduduk dapat peluang main golf, go-kart

SINTOK - Permainan golf dan go-kart sebelum ini lebih sinonim dengan masyarakat bandar dan golongan muda, namun kali ini penduduk Kampung Pulau Timbul berpeluang merasai sukan popular itu ketika mengadakan lawatan balas ke kampus Universiti Utara Malaysia (UUM).

Sebagai menghargai program anak angkat yang dijalankan di Kampung Pulau Timbul pada Januari lalu, penduduk kampung mengadakan lawatan khas pusing-pusing ke kampus berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan

(JKKKP) Kampung Pulau Timbul, Azizan Md Sakhok berkata, sekarang-kurangnya penduduk kampung berpeluang menjejakkan kaki ke kampus berkenaan sekali gus menyelami suasana persekitaran kampus.

Menurutnya, semua penduduk dibawa pusing-pusing sekeliling kampus oleh penghuni kolej TNB yang kebanyakannya anak angkat kepada penduduk kampung itu.

"Pelbagai acara menarik yang disajikan kepada kami termasuklah bermain golf, go-kart, melawat kandang rusa, sukaneka dan jamuan makan.

"Sekurang-kurangnya masyarakat kampung dapat



■ Penduduk Kampung Pulau Timbul bergambar di kampus berkenaan sempena lawatan balas.

merasai suasana bermain golf dan go-kart yang sebelum ini lebih terdedah kepada masyarakat bandar dan golongan muda sahaja," katanya.

Bagaimanapun menurut-

nya, penduduk kampung juga mengadakan gotong-ro-yong menyediakan pelbagai juaiah untuk dibawa ke kampus berkenaan bagi penghuni kolej menikmati masak-

an kampung keluarga angkat mereka.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Belia Kampung Pulau Timbul, Saiful Nizam Mahmud berkata, peluang

itu bukan sahaja dapat didedahkan kepada golongan muda malahan golongan warga emas juga dapat merasai keseronokan bermain golf dan go-kart yang disediakan.